

20/05/2003

Dasar AS perang keganasan jejak keselamatan dunia

Misiah Taib

AWAL-AWAL lagi Malaysia menyuarakan kebimbangan betapa 'dasar tindakan ganas terhadap penganas' bukan jalan penyelesaian, sebaliknya boleh memburukkan keadaan, mencetuskan lebih banyak serangan, sekali gus menambah bilangan penganas.

Keadaan diburukkan lagi dengan tindakan mengaitkan secara tidak langsung umat Islam dengan penganas dan menjadikan negara Islam sebagai sasaran kononnya untuk menghapuskan sarang penganas, sedangkan dalam masa sama kuasa besar terutama Amerika Syarikat (AS) menutup kedua-dua belah mata berhubung penindasan Israel terhadap rakyat Palestin.

Sebelum pencerobohan dan penaklukan Iraq, Malaysia awal-awal lagi memberi amaran bahawa serangan terhadap Iraq bukan saja menjejaskan usaha memerangi keganasan antarabangsa, malah membangkitkan kemarahan berterusan umat Islam sejagat dan mungkin menambahkan lagi bilangan penganas.

"Kita sudah kata kalau nak tangani masalah penganas dengan membunuh orang dan melanggar, menceroboh negara orang, ini akan membawa akibat yang buruk.

"Sekarang ini lihatlah apa yang berlaku, saya minta supaya diberi perhatian untuk menghentikan tindakan Israel terhadap Palestin kerana ini yang menyebabkan ramai orang Islam sakit hati dan mereka nak balas dendam.

"Tapi mereka (AS) nak balas dendam. Mereka berpendapat kalau seorang orang kami dibunuh, kami akan bunuh sepuluh. Kalau buat lebih dari itu kami akan tawan negara dan jatuhkan kerajaan, kononnya mereka boleh bertindak ganas terhadap penganas," kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika diminta mengulas serangan pengebom berani mati di Maghribi, Jumaat lalu.

Perdana Menteri sudah banyak kali memberi peringatan itu. Kebimbangannya itu turut disuarakannya di pentas dunia termasuk di Forum Ekonomi Dunia di Davos, awal tahun ini.

Dua serangan pengebom berani mati di Riyadh dan Maghribi yang berlaku dalam tempoh lima hari pada 12 dan 16 Mei lalu, bukti jelas betapa kebimbangan Malaysia sudah menjadi kenyataan.

Ini tidak termasuk pengeboman sebelum ini - di Bali pada 12 Oktober tahun lalu yang meragut 202 nyawa diikuti letupan bom di ibu pejabat polis kebangsaan Indonesia awal Februari lalu dan pengeboman di Lapangan Terbang Antarabangsa Sukarno-Hatta, Jakarta April lalu - semuanya dikaitkan sebagai angkara penganas.

Pengeboman dan pembunuhan yang berlaku itu disifatkan oleh Dr Mahathir sebagai berpunca daripada cara dunia memerangi pengganas dan keganasan.

Banyak lagi kepentingan barat khususnya kuasa besar yang mungkin menjadi sasaran selepas ini - semuanya berpunca daripada tindakan kuasa besar yang bertindak sebagai polis dunia dengan menyerang negara lain serta membunuh rakyatnya sesuka hati, atas alasan menghapuskan keganasan.

Di Riyadh 12 Mei lalu, 34 orang terbunuh termasuk sembilan pengbomb dan 10 rakyat AS apabila serangan berani mati dilancarkan manakala Jumaat lalu, sekurang-kurangnya 40 terbunuh, manakala lebih 70 lagi tercedera dalam serangan serupa di Rabat, Maghribi.

Mengimbuai semula ucapan Dr Mahathir di Davos awal tahun ini, beliau dengan lantang membidas Barat yang cuba menguatkuasakan pelaksanaan demokrasi kapitalis mereka secara paksa dan bertindak mengenakan sekatan ekonomi atau mengebom mereka yang enggan menerima model sedemikian.

"Adalah satu kesalahan untuk berkata sesuatu yang buruk terhadap demokrasi Barat. Sekiranya anda berbuat demikian, anda akan dianggap musuh. Anda akan dikenakan sekatan ekonomi hingga menyebabkan anda kebulur atau anda akan dibom hingga mati," katanya.

Perdana Menteri berpendapat, pengbomb berani mati dan perampas pesawat dalam tragedi 11 September 2001, bertindak akibat kemiskinan dan kekecewaan.

"Bertindak ganas terhadap pengganas tidak akan berjaya, tetapi menyelesaikan masalah yang menyebabkan keganasan, akan membantu menghapuskan keganasan itu," katanya.

Golongan yang lemah kini sudah bertindak untuk melawan, dengan satu-satunya cara yang mereka mampu, memburu musuh mereka dan menyerang dari semua sudut, di mana-mana bahagian dunia sekalipun. Tidak ada orang yang akan terkecuali. Kebimbangan kini menyelubungi dunia.

Dr Mahathir juga menganggap kempen Presiden George W Bush terhadap kumpulan 'paksi kejahatan' yang merangkumi Iraq, Iran dan Korea Utara akan gagal kerana bukan ketiga-tiga negara itu yang sepatutnya menjadi sasaran, walau pun Iraq sudah pun mereka tawan.

Sebaliknya kempen pemimpin AS itu hanya membangkitkan lebih banyak kemarahan dan dendam seperti kejadian terkini yang berlaku di Riyadh dan Maghribi. Tidak siapa boleh menafikan kemungkinan banyak lagi kepentingan Barat, khususnya AS akan menjadi sasaran selepas ini.

Umat Islam melihat pendirian yang diambil terhadap Palestin dan pencerobohan ke atas Iraq sebagai satu tindakan diskriminasi terhadap umat Islam.

Walaupun berlaku kemajuan teknologi dan dakwaan kononnya wujud tamadun yang lebih berperikemanusiaan dan canggih, keupayaan untuk membunuh sebagai satu ukuran kekuatan, masih menjadi amalan.

Malah, melabelkan orang sebagai syaitan atau paksi kejahatan tidak menyelesaikan masalah, sebaliknya ungkapan seumpama itu membangkitkan kemarahan.

Menindas orang lain atau membinasakan negara mereka tidak menyelesaikan masalah. Banyak punca keganasan, tetapi sebab utama adalah wilayah dan bukannya agama, seperti dialami Palestin.

Sebagaimana dinyatakan oleh Dr Mahathir bahawa keganasan yang melanda dunia pada hari ini mempunyai kaitan terus dengan nasib rakyat Palestin. Pada masa sama tindakan pertahanan dan keselamatan, malah bertindak lebih ganas daripada 'pengganas', tidak akan dapat menghalang pejuang berani mati.

Presiden Bush sebelum ini menganggap Korea Utara sebagai negara paksi kejahatan bersama Iran dan Iraq, dengan mendakwa ketiga-tiga negara itu mengancam keselamatan dunia dengan senjata pemusnah.

AS menganggap tiga negara terbabit tidak boleh memiliki senjata bahaya kerana didakwa menyokong pengganas. Sebelum ini, isu senjata nuklear Korea Utara sering menimbulkan ketegangan dengan AS dan jirannya Korea Selatan.

AS mendesak dikenakan sekatan di merata tempat. AS mendesak orang lain mengubah sistem mereka dan menuntut mereka mengamalkan demokrasi cara mereka. Malah, kadang kala AS tidak menghiraukan kesucian sempadan.

Malaysia pula percaya tidak akan wujud keamanan di Asia Barat selagi Perdana Menteri Israel, Ariel Sharon kekal berkuasa. Justeru, Dr Mahathir lantang menyuarakan betapa Malaysia akan terus bersuara menyatakan ketidakadilan yang berlaku serta tidak akan tunduk dengan sebarang tekanan.

Apakah Malaysia juga tidak terkecuali daripada turut berkemungkinan dijadikan sasaran selepas ini? Hakikatnya tidak ada mana-mana negara di dunia ini yang boleh memberi jaminan bahawa mereka akan terselamat sepenuhnya.

Dr Mahathir yang ditanya perkara itu kelmarin berkata, beliau sendiri tidak boleh menidakkan terus kemungkinan itu kerana apa saja boleh berlaku, tanpa mengira tempat.

"Namun, kita sudah mengambil semua langkah berjaga-jaga dan kita tahu Malaysia selamat. Orang yang berasa tidak selamat adalah orang yang menyerang negara orang lain dan membunuh orang.

"Jika mereka menyerang negara lain dan membunuh orang, tidak kira di mana mereka berada, mereka tidak akan berasa selamat," kata beliau.

Dunia perlu mengikis budaya dan nilai lamanya, dan memperbaharui tamadunya. Dunia yang sudah mengharungi proses globalisasi, perlu diubah daripada tanggapan mengenai sesuatu dan cara menangani masalah juga hendaklah disesuaikan dengan keadaan.

Malangnya, dunia mengusutkan lagi keadaan. Bukan saja mereka tidak berusaha untuk menangani punca keganasan, sebaliknya mereka melakukan tindakan yang mencetuskan keganasan baru.